



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

# PEMBANGUNAN GARIS PANDUAN PELAKSANAAN PENTAKSIRAN UNTUK GURU-GURU TADIKA SWASTA



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2020



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

## PEMBANGUNAN GARIS PANDUAN PELAKSANAAN PENTAKSIRAN UNTUK GURU-GURU TADIKA SWASTA

NOR NAJIHAH BINTI MOD NAJIB



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

DISERTASI INI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK  
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK

FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2020



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

UPSI/IPS-3/BO 32  
Pind : 00 m/s: 1/1

**Sila tanda (↙)**  
 Kertas Projek  
 Sarjana Penyelidikan  
 Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus  
 Doktor Falsafah

**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH****PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN**

Perakuan ini telah dibuat pada .....(hari bulan) ..... (bulan) 20.....

**i. Perakuan pelajar :**

Saya, \_\_\_\_\_ (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_ adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya



05-4506832

Tandatangan pelajar  
pustaka.upsi.edu.myPerpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

**ii. Perakuan Penyelia:**

Saya, \_\_\_\_\_ (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_ (TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian SiswaZah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah \_\_\_\_\_ (SLA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

Tarikh \_\_\_\_\_

Tandatangan Penyelia \_\_\_\_\_



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



## INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH / INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES

### BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM

Tajuk / Title:

---

---

No. Matrik / Matric's No.:

---

Saya / I:

---

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)\* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

*acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-*

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.  
*The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris*
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.  
*Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.*
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.  
*The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.*
4. Sila tandakan ( ✓ ) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick ( ✓ ) for category below:-

**SULIT/CONFIDENTIAL**

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

**TERHAD/RESTRICTED**

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

**TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS**

---

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)  
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

Tarikh: \_\_\_\_\_

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

*Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.*





## PENGHARGAAN

### Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Pengasih

Syukur ke hadrat ilahi dengan izin-Nya saya telah berjaya menyiapkan disertasi pada tahun ini dengan jayanya. Saya bersyukur kerana diberikan kesihatan, kekuatan serta kesejahteraan yang baik sepanjang saya menyiapkan disertasi ini.

Pertama, saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga kepada insan yang tidak terkira pengorbanannya iaitu bapa saya Hj. Mod Najib Hj. Yaakob dan ibu saya Hjh. Norizan Hj Abd Ghani, suami tercinta Muhamad Azmi bin Mohd Ali serta buat adik -beradik Nornajwa Wahidah, Nornadiah dan Muhammad Najmuddin kerana tidak pernah jemu memberikan semangat, galakan dan mendoakan kejayaan saya sepanjang saya membuat disertasi ini.

Selain itu, terima kasih juga saya tujukan buat penyelia utama iaitu Dr Nor Mashitah binti Mohd Radzi dan penyelia bersama iaitu Dr Azli bin Ariffin di atas kesabaran dan banyak memberikan bimbingan kepada saya sepanjang saya menyiapkan disertasi ini. Saya juga ingin memberikan penghargaan dan berterima kasih iaitu kepada Dr Noor Amy Afiza, Pn Siti Hajar serta sahabat-sahabat saya Nur Aqilah binti Sahidan dan Farah Amirah binti Ahmad Marzuki yang telah banyak bersusah payah membantu sepanjang proses menyiapkan disertasi yang penuh suka duka ini. Tanpa sokongan dan semangat daripada kalian, proses penulisan disertasi ini tidak akan berjalan dengan lancar.

Seterusnya, sekalung penghargaan buat pakar-pakar yang terdiri dari bidang yang tertentu yang telah menyumbang idea dan membantu dalam membangunkan panduan kajian ini. Akhir sekali, saya ingin merakamkan penghargaan kepada guru-guru dan pihak tadika yang terlibat sepanjang menyiapkan kajian ini dan memberikan ruang kepada saya untuk menjalankan kajian ini.





## ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk membangunkan garis panduan pelaksanaan pentaksiran untuk guru-guru tadika swasta. Tujuan membangunkan panduan ini adalah untuk membantu dan memudahkan guru dalam melaksanakan proses pentaksiran di TADIKA swasta. Teori yang digunakan dalam kajian ini adalah Teori Perkembangan Vygotsky, Model Penilaian KIPP *Stufflebeam* dan Model Pengajaran UPSI. Penyelidikan Reka Bentuk dan Pembangunan atau (DDR) telah digunakan dalam kajian ini. Kaedah ini dibahagikan kepada tiga fasa iaitu fasa analisis keperluan, fasa reka bentuk dan pembangunan dan yang terakhir fasa penilaian. Sampel 60 pakar dipilih berdasarkan kriteria khusus seperti lebih dari lima (5) tahun pengalaman dalam bidang pendidikan awal kanak-kanak dan bidang pengukuran serta pakar tidak mempunyai bias dengan pakar yang lain. Fasa pertama iaitu fasa analisis keperluan membuat meta analisis menggunakan rujukan bahan dari kajian-kajian lepas dan menjalankan protokol temu bual bersama lima (5) orang guru TADIKA yang berpengalaman. Fasa kedua pula menggunakan Teknik Kumpulan Nominal. Fasa ini merupakan perbincangan awal bersama seramai 10 orang pakar dari bidang tertentu dan membincangkan mengenai elemen-elemen pentaksiran samaada perlu dikekalkan atau digugurkan. Seterusnya, fasa ketiga melibatkan seramai 40 orang pakar dari bidang tertentu untuk menilai kesesuaian elemen panduan tersebut. Penilaian tersebut berdasarkan perbincangan dan menjawab borang soal selidik yang diagihkan kepada semua pakar. Melalui fasa ini juga, panduan diberikan kepada lima (5) orang guru yang berpengalaman untuk melihat kebolehgunaan panduan tersebut. Sebelum melakukan kajian sebenar, kajian rintis telah dilakukan untuk mendapatkan kebolehpercayaan dan diukur menggunakan indeks ketekalan dalaman *Alpha Cronbach* yang menunjukkan nilai pekali yang tinggi iaitu  $\alpha=0.92$ . Hasil dapatan daripada fasa ketiga pula menunjukkan garis panduan telah dibangunkan melalui enam pecahan konstruk iaitu prosedur pemerhatian, prosedur pemarkahan, prosedur instrumen, prosedur menganalisis data, latihan dan kemahiran dan yang terakhir etika pentaksiran. Hasil dapatan ini menunjukkan bahawa garis panduan ini sesuai digunakan berdasarkan kepada kesepakatan pakar iaitu berada dalam julat antara 33.6 sehingga 37.4. Kesimpulan dari kajian ini menunjukkan pembangunan panduan ini telah disahkan oleh pakar dan sesuai digunakan oleh guru untuk pelaksanaan pentaksiran. Implikasinya, garis panduan ini dapat membantu guru dalam melaksanakan pentaksiran dengan lebih sistematik dan berkesan.





## DEVELOPMENT OF ASSESSMENT IMPLEMENTATION GUIDELINES FOR PRIVATE KINDERGARTEN TEACHERS

### ABSTRACT

This study aimed to develop assessment implementation guidelines for teachers in private kindergarten. The purpose of developing this guide was to assist and facilitate teachers in fulfill assessments in private kindergarten. The theories used in this study were Vygotsky development theory, Stufflebeam KIPP assessment model and UPSI teaching model. Design and Developmental Research Approach (DDR) method was used in this study. The study was divided into three phases which were needs analysis phase, the design and development phase, and the evaluation phase. A sample of 60 experts was selected based specific criteria such as more than five (5) years of experience in the field of early childhood education and in the field of measurement and as well as experts have no conflict of interests. Needs analysis phase was the first phase of meta-analysis by searching previous studies and conducting interview with five (5) experienced kindergarten teachers. The second phase used the nominal group method. This phase was used as a preliminary discussion with 10 experts from a particular area and discussed whether assessment items should be retained or dropped. Next, the third phase involved 40 experts from specific fields to assess the suitability of the guideline elements. The evaluation was based on the discussion and answering the questionnaire form distributed to all experts. Also, in this phase, guidance was given to five (5) experienced teachers to validate the usability of the guidelines. Prior to conducting the actual study, a pilot study was conducted to obtain the reliability of the instrument by using Alpha Cronbach index which showed a high coefficient value of  $\alpha = 0.92$ . The finding from the third phase showed that the guidelines consisted of six constructs, namely observation procedure, scoring procedure, instrument procedure, data analysis procedure, training and skills and assessment ethics were validated. The findings showed that the guidelines were suitable based on the expert agreement which was in the range between 33.6 to 37.4. In conclusion, this study indicated that the development of this guidelines has been validated by experts and was found suitable to be used by teachers for the implementation of assessment. In implication, these guidelines could help teachers in implementing assessment more systematically and effectively.





## KANDUNGAN

### Muka Surat

<b>PENGHARGAAN</b>	v
<b>ABSTRAK</b>	vi
<b>ABSTRACT</b>	vii
<b>KANDUNGAN</b>	viii
<b>SENARAI JADUAL</b>	xii
<b>SENARAI RAJAH</b>	xiii
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xiv



## BAB 1 PENGENALAN

1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	1
1.3 Pernyataan Masalah	6
1.4 Objektif Kajian	8
1.5 Persoalan Kajian	9
1.6 Kerangka Teori	9
1.7 Kerangka Konseptual	10
1.8 Definisi Istilah	12
1.9 Batasan Kajian	13
1.10 Kepentingan Kajian	14
1.11 Rumusan	16





## BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1 Pengenalan	17
2.2 Pentaksiran	18
2.2.1 Standard Pentaksiran	25
2.2.2 Jenis - Jenis Pentaksiran	28
2.3 Pembangunan	30
2.3.1 Penyelidikan Reka Bentuk dan Pembangunan (DDR)	30
2.3.2 Kaedah Fuzzy Delphi (FDM)	31
2.3 Teori Perkembangan Kanak-Kanak Vygotsky (1978)	35
2.4 Model Penilaian KIPP <i>Stufflebeam</i> (1971)	38
2.5 Model Pengajaran UPSI (2009)	39



## BAB 3 METODOLOGI

3.1 Pengenalan	42
3.2 Reka bentuk kajian	42
3.2.1 Fasa Analisis Keperluan	45
3.2.1.1 Sampel Kajian	47
3.2.1.2 Instrumen Kajian	49
3.2.1.3 Kesahan Kandungan	50
3.2.1.4 Prosedur Kajian	50
3.2.1.5 Analisis Data	51
3.2.2 Fasa Reka Bentuk dan Pembangunan	55
3.2.2.1 Sampel Kajian	56





3.2.2.2 Instrumen Kajian	58
3.2.2.3 Prosedur Kajian	59
3.2.3 Fasa Penilaian	59
3.2.3.1 Sampel Kajian	64
3.2.3.2 Instrumen Kajian	65
3.2.3.3 Kajian Rintis	66
3.2.3.4 Kebolehpercayaan	66
3.2.3.5 Prosedur Kajian	67
3.2.3.6 Analisis Data	68
3.3 Rumusan	71

## BAB 4 DAPATAN KAJIAN



4.1 Pengenalan	72
4.2 Dapatan Fasa 1: Analisis Keperluan	
4.2.1 Dapatan 1	73
4.2.2 Analisis Temu Bual Protokol	80
4.3 Dapatan Fasa 2: Reka Bentuk dan Pembangunan	82
4.3.1 Dapatan 2	83
4.3.2 Elemen Pentaksiran	83
4.4 Dapatan Fasa 3: Penilaian	85
4.4.1 Dapatan 3	85
4.4.2 Penilaian Panduan	91
4.5 Rumusan	93

## BAB 5 PERBINCANGAN DAPATAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN





5.1 Pengenalan	94
5.2 Ringkasan Keseluruhan Kajian	95
5.3 Perbincangan Fasa 1: Analisis Keperluan	98
5.4 Perbincangan Fasa 2: Reka Bentuk dan Pembangunan	101
5.5 Perbincangan Fasa 3: Penilaian	102
5.6 Implikasi Kajian	104
5.5.1 Implikasi Amalan	104
5.5.2 Implikasi Teori	107
5.5.3 Implikasi Metodologi	108
5.7 Cadangan Kajian Lanjutan	110
5.8 Rumusan	111
<b>RUJUKAN</b>	<b>113</b>



Lampiran A	122
Lampiran B	123
Lampiran C	124
Lampiran D	127
Lampiran E	130
Lampiran F1	132
Lampiran F2	135
Lampiran F3	138
Lampiran F4	140
Lampiran F5	142
Lampiran G	144
Lampiran H	145





## SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka Surat
3.1 Matriks Kajian Pembangunan Panduan	43
3.2 Senarai Pakar yang Terlibat dalam Sesi Temu Bual	48
3.3 Ringkasan Proses Analisis Temu Bual	52
3.4 Skala Persetujuan Cohen Kappa (1960)	53
3.5 Nilai Persetujuan antara Pakar	54
3.6 Senarai Pakar yang Terlibat dalam Teknik Kumpulan Pakar (NGT)	56
3.7 Panduan Tahap Nilai Pekali Kebolehpercayaan	66
3.8 Pembolehubah Linguistik 7 Skala	68
4.1 Senarai Elemen Pentaksiran	72
4.2 Senarai Elemen Pentaksiran yang telah Ditambah Baik	82
4.3 Interpretasi Data Threshold <i>Fuzzy Delphi</i>	84
4.4 Peratusan Kesepakatan Pakar bagi Elemen Pentaksiran	86
4.5 Nilai <i>Defuzzification</i> bagi Elemen Pentaksiran	88





## SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
1.1 Kerangka Teori	10
1.2 Kerangka Konseptual	11
2.1 Prosedur Teknik Delphi (Ibrahem, 2003)	32
2.2 Langkah-Langkah Kaedah Delphi	33
2.3 Komponen Utama Model Pengajaran UPSI (2009)	40
3.1 Fasa-Fasa dalam Penyelidikan Reka Bentuk dan Pembangunan (DDR)	45
3.2 Langkah-Langkah Teknik Kumpulan Nominal	55
3.3 Carta Aliran Prosedur Analisis Data Teknik Fuzzy Delphi	70
4.1 Julat Kesepakatan Pakar	85





## SENARAI SINGKATAN

BPK	Bahagian Pembangunan Kurikulum
DDR	Penyelidikan Reka Bentuk Dan Pembangunan
DSKP	Dokumen Standard Kurikulum & Pentaksiran
Fa	Nilai Persetujuan
Fc	50% Peratus Jangkaan Persetujuan
FDM	Kaedah Fuzzy Delphi
INVALSI	Institito Nazionale Per La Valutazione Del Sistema
IPS	Institusi Pengajian Siswazah
K	Cohen Kappa
KIPP	Konteks, Input, Proses, Produk
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KSPK	Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan
N	Bilangan Unit (Tema) Yang Dijuji Nilai Persetujuan
NGT	Teknik Kumpulan Nominal
PBS	Pentaksiran Berasaskan Sekolah
PIPP	Pelan Induk Pembangunan Pendidikan
PPPM	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
SPPK	Sistem Pentaksiran Pendidikan Kebangsaan
ZPD	Zon of Proximal Development





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

## BAB 1

### PENGENALAN

#### 1.1 Pendahuluan

Bab ini menerangkan mengenai pengenalan, latar belakang kajian, objektif kajian, pernyataan masalah, persoalan kajian, kerangka teori, kerangka konseptual, definisi istilah, batasan kajian, kepentingan kajian dan rumusan bab. Bab ini juga menerangkan dengan lebih jelas berkaitan kajian yang dijalankan iaitu mengenai Pembangunan Garis



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun

Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

Panduan Pelaksanaan Pentaksiran untuk Guru-Guru Tadika Swasta.

#### 1.2 Latar Belakang Kajian

Semakin hari, sistem pendidikan di Malaysia semakin berubah dan berkembang maju mengikut peredaran masa. Ini terbukti dengan perkembangan dan perubahan sistem pendidikan mengikut tahap pendidikan seseorang individu. Tahap pendidikan individu bermula dari prasekolah sehingga ke tahap yang paling tinggi iaitu tahap pendidikan pengajian tinggi. Kenyataan ini dikuatkan lagi dengan penyataan oleh Norfaezah, Siti Nurhajariah, Awatif & Idi (2017) bahawa pendidikan merupakan istilah yang memberikan makna yang sangat meluas kepada semua orang tidak mengira peringkat umur samaada dari kecil hingga dewasa. Ini kerana Pendidikan awal kanak-kanak



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



merupakan asas kepada pembinaan sesuatu bangsa. Berdasarkan Dasar Asuhan dan Didikan Awal Kanak-Kanak Kebangsaan (2008) dinyatakan bahawa murid hari ini merupakan bakal pewaris dan modal insan Negara pada masa akan hadapan. Ini kerana pendidikan awal kanak-kanak adalah pendidikan pertama yang diterima oleh seseorang individu sejak dari lahir. Oleh itu, proses pendidikan haruslah bermula dari rumah oleh ibu bapa dan seterusnya lanjutan ke pendidikan pada peringkat prasekolah.

Pendidikan prasekolah merupakan pengalaman awal dan permulaan proses pembelajaran yang penting dalam dunia pendidikan formal. Kenyataan ini juga selari dengan petikan dari Akhbar Utusan Melayu (7 Oktober 2013) oleh Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Mary Yap Kain Ching berkata, kementerian akan memastikan semua murid bermula pada peringkat pendidikan awal berhak untuk memasuki alam persekolahan tanpa mengira latar belakang seperti latar belakang dari segi sosioekonomi. Ini kerana tiada perbezaan sosioekonomi bagi semua murid untuk memasuki alam persekolahan seperti yang telah termaktub dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia atau PPPM (2013-2025). Selain itu, beliau juga menyatakan bahawa guru haruslah bersaing secara sihat dan berkongsi idea dalam melaksanakan pengajaran yang berkesan. Beliau berkata:

‘Kementerian sentiasa berusaha meluaskan akses pendidikan yang berkualiti dan berkemampuan termasuk pendidikan prasekolah dan matlamat itu terkandung pada teras sub Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) pendidikan untuk prasekolah. Melalui usaha itu, guru prasekolah yang terlibat akan bersaing dan berkongsi idea serta kreativiti mereka untuk melaksanakan pengajaran menggunakan pendekatan pembelajaran berdasarkan projek yang selari dengan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan’ katanya.

(Datuk Mary Yap Kain Ching, 2013)





Selain itu juga, pendedahan pendidikan di awal usia dalam peringkat prasekolah secara tidak langsung dapat membantu memperkembangkan potensi murid berumur empat hingga enam tahun secara menyeluruh dalam aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek dengan mendedahkan murid dengan persekitaran yang baru. Oleh itu, murid haruslah didedahkan dan dirangsang dengan aktiviti yang sesuai seperti aktiviti *hands-on*. Melalui aktiviti tersebut, dapat meningkatkan perkembangan pemikiran dan kreativiti. Hal ini kerana perkembangan pemikiran murid sangat pesat pada usia mereka 6 tahun dan program pendidikan TADIKA haruslah sesuai dengan tahap perkembangan murid terutamanya perkembangan holistik murid agar dapat merangsang pemikiran mereka. Kebiasaanya, penilaian dan pentaksiran yang digunakan oleh guru adalah berdasarkan formatif melalui pengajaran dan pembelajaran harian di TADIKA.



Sesi pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan oleh guru di TADIKA bertujuan untuk mendapatkan dan melihat hasil pembelajaran murid melalui pemerhatian yang dijalankan. Hal ini kerana pemerhatian merupakan salah satu bahagian dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Antara salah satu langkah untuk mengesan kemajuan dan perkembangan domain murid adalah melalui proses pemerhatian. Proses pemerhatian yang sering dijalankan adalah pemerhatian terhadap tingkah laku murid, perbualan atau interaksi antara murid serta yang terakhir ialah melalui pemerhatian terhadap hasil kerja murid di TADIKA. Selain itu, pemerhatian yang dijalankan juga boleh dilakukan semasa sesi pengajaran dan pembelajaran sedang berlangsung. Ini kerana melalui sesi pengajaran dan pembelajaran yang sedang dijalankan, pelaksanaan prosedur pemerhatian yang dilakukan oleh guru akan lebih berkesan dan menampakkan perkembangan murid samaada individu atau semasa menjalankan aktiviti berkumpulan.





Sebagai contoh, proses pembelajaran prasekolah dilaksanakan merujuk kepada Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan. Sejarah pelaksanaan pembinaan Kurikulum Prasekolah Kebangsaan bermula sejak tahun 2010. Kemudian, pada tahun 2010, sebuah Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) telah dihasilkan dan mula dilaksanakan dan digunakan oleh semua guru mulai tahun 2010 di semua TADIKA di Malaysia. Kurikulum ini disemak semula untuk memenuhi tuntutan dasar baharu di bawah pelan pembangunan pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 dan keperluan semasa pendidikan di Malaysia. Semakan ini dibuat adalah untuk memastikan kurikulum yang dijalankan di semua TADIKA di seluruh Malaysia setanding dengan kurikulum standard yang digunakan di peringkat antarabangsa.



Kurikulum berasaskan standard yang diterjemahkan dalam KSPK tahun 2017 mengandungi tiga standard iaitu standard kandungan, standard pembelajaran dan standard pentaksiran. Dokumen kurikulum merujuk kepada dokumen rasmi yang dihasilkan dan dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), dengan kerjasama daripada Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK), Jabatan Pelajaran Wilayah Persekutuan dan sekolah. Dokumen kurikulum ini dinamakan sebagai Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran atau DSKP. Antara kandungan yang terkandung dalam dokumen tersebut adalah Dokumen Standard Prasekolah Kebangsaan, Sukatan Pelajaran, huraihan sukatan pelajaran, modul-modul Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan, buku rekod pengajaran, surat pekeliling dan surat siaran yang berkaitan serta rekod-rekod pentaksiran dan penilaian (Rosmah Abd Ghani & Mariani Md Nor, 2017). Dalam DSKP ini turut menyatakan mengenai enam tunjang iaitu tunjang komunikasi, tunjang kerohanian, sikap dan nilai, tunjang kemanusiaan,





tunjang perkembangan fizikal dan estetika, tunjang sains dan teknologi serta yang terakhir tunjang keterampilan diri.

Seterusnya, berdasarkan usaha yang dilakukan oleh pihak KPM untuk menambah standard pentaksiran ke dalam dokumen kurikulum ini sedikit sebanyak telah mengubah sejarah kurikulum kebangsaan sejak kurikulum tersebut dilaksanakan. Hal ini kerana, melalui standard pentaksiran murid dapat dinilai dan ditaksir samada secara berperingkat ataupun secara berterusan. Pemerhatian ini dijalankan dalam salah satu usaha bagi mengenal pasti tahap penguasaan murid dalam sesuatu kemahiran atau ilmu yang membolehkan guru untuk membuat sesuatu keputusan dalam membantu murid mempertingkatkan pencapaian pembelajaran mereka di TADIKA (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2016). Ini juga membantu guru dalam mengenal pasti tahap keupayaan murid berdasarkan kandungan kurikulum yang digunakan semasa menjalankan pentaksiran di TADIKA.



Seperti yang diketahui, sistem pendidikan pada masa kini juga telah menyebabkan perubahan dan mempengaruhi cara berfikir para pendidik mengenai penilaian yang dilaksanakan terhadap murid (Nor Mashitah, 2017). Oleh itu, pentaksiran yang dilaksanakan di TADIKA merupakan satu proses yang merangkumi pelbagai kaedah dalam menjalankan penilaian dan mendapatkan maklumat tentang perkembangan dan pembelajaran murid di TADIKA. Antara tujuan pentaksiran dijalankan untuk melihat skala perkembangan prestasi dan pencapaian murid di sekolah. Pentaksiran juga dijalankan adalah untuk mengetahui keberkesanan pengajaran guru di bilik darjah serta melihat peluang dan persekitaran pembelajaran yang disediakan kepada murid di TADIKA.





Selain itu, melalui pentaksiran yang dijalankan juga mampu mendorong guru untuk merancang dan melaksanakan tindakan yang sesuai dalam mengembangkan potensi murid ke tahap yang lebih baik, menolong meningkatkan pembelajaran murid di bilik darjah dan yang terakhir ialah membantu guru memperbaiki kualiti pengajaran di bilik darjah. Oleh itu, pihak Bahagian Pembangunan Kurikulum perlulah menegaskan penggunaan pentaksiran dalam pendidikan di peringkat prasekolah mahupun di TADIKA swasta. Penggunaan pentaksiran ini bagi memudahkan guru untuk lebih fokus dalam mentafsir dan memerhati perkembangan pembelajaran dan menganalisis kebolehan murid secara individu mahupun berkumpulan.

### 1.3 Pernyataan Masalah



Pentaksiran merupakan salah satu proses yang perlu dijalankan oleh guru. Tujuan pentaksiran dilakukan adalah untuk mengenal pasti dan melihat potensi murid di TADIKA. Namun begitu, kelemahan yang sering terjadi dalam sistem pendidikan di Malaysia khususnya di TADIKA adalah guru kurang memfokuskan kepentingan menjalankan pentaksiran di TADIKA.

Seperti yang diketahui, proses pentaksiran adalah salah satu proses yang penting untuk dilakukan bagi mengetahui tahap perkembangan murid di sekolah. Namun begitu, lain keadaan yang berlaku di TADIKA. Ketika di TADIKA, guru kurang diberikan penekanan mengenai pelaksanaan pentaksiran. Menurut Kementerian Pendidikan Malaysia (2010) dalam Normarina (2016) menyatakan amalan pentaksiran sebelum ini banyak memberi penekanan terhadap pentaksiran sumatif semata-mata. Ini





kerana, pentaksiran sumatif yang dijalankan hanya tertumpu memberikan maklumat mengenai pencapaian murid sahaja tetapi guru tidak dapat untuk melihat dan mengetahui kelemahan dan masalah murid dalam proses pembelajaran di TADIKA. Hal ini kerana melalui pentaksiran sumatif, guru hanya boleh melihat dan menilai perkembangan pembelajaran murid dalam beberapa waktu tertentu sahaja.

Selain itu, menurut Nordin (2000) dalam Norshafinaz dan Faridah (2018) permasalahan yang sering berlaku sepanjang menjalankan penilaian adalah ketika merekod prestasi murid di TADIKA kerana hanya berpandukan laporan kemajuan sahaja dan guru kurang pendedahan, latihan serta kursus mengenai penilaian dan pentaksiran. Hal ini juga selari dengan penyataan Wortham (2012) yang menyatakan sistem pentaksiran memiliki kaedah pentaksiran yang terhad untuk mengenal pasti keperluan murid. Sistem ini juga menyebabkan ramai guru kurang berkemahiran dan tidak memahami sistem pentaksiran di sekolah khususnya di TADIKA. Penjelasan ini juga dikuatkan lagi dengan penyataan daripada Norshafinaz dan Faridah (2018) yang menjelaskan bahawa penilaian perlu dilakukan dengan cara formatif seiring dengan sumatif kepada murid dan guru haruslah mempunyai kemahiran dalam menjalankan pemerhatian kepada murid agar penilaian dapat dilakukan dengan telus.

Walaupun guru memiliki kemahiran dalam pengajaran tetapi kebanyakan guru khususnya guru di TADIKA tidak didedahkan dan kurang memahami fungsi sistem pentaksiran yang sebenar. Rosmah dan Mariani (2017) menjelaskan bahawa keberkesanan dan kejayaan dalam melaksanakan sesuatu kurikulum adalah mengikut kepada kefahaman dan penghayatan seseorang guru ketika berada di dalam bilik darjah.





Panduan pentaksiran yang sedia ada hanyalah panduan umum yang tidak menekankan aspek-aspek penting seperti kemahiran serta etika seorang guru.

Hal ini selari dengan permasalahan yang berlaku iaitu menurut Mehrens dan Kaminski (1989) memberi latihan dan pengajaran untuk ujian semata-mata atau pengajaran secara selari dengan menggunakan soalan ujian yang sama atau menggunakan soalan ramalan merupakan satu amalan yang tidak beretika. Ini kerana penyediaan dan pelaksanaan kurikulum yang kurang mantap memberikan ruang kepada guru dalam melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah mengikut kurikulum adaptasi dan pelbagai (Rosmah & Mariani, 2017). Maka, kajian ini sangat perlu dilakukan dalam memastikan guru memiliki lebih kesedaran mengenai sistem pentaksiran dan mendapat satu panduan yang lengkap yang boleh digunakan semasa melakukan proses pentaksiran di sekolah khususnya di TADIKA.



#### 1.4 Objektif Kajian

Secara umumnya, kajian ini dilakukan adalah untuk membangunkan garis panduan pelaksanaan pentaksiran untuk guru-guru tadika swasta. Objektif kajian diperincikan seperti berikut:

1. Mengenal pasti keperluan pentaksiran guru di TADIKA.
2. Mengenal pasti elemen garis panduan pelaksanaan pentaksiran untuk guru-guru tadika swasta.
3. Mengenal pasti kesepakatan pakar terhadap garis panduan pelaksanaan pentaksiran untuk guru-guru tadika swasta.





## 1.5 Persoalan Kajian

Dalam menjalankan kajian ini, beberapa persoalan kajian telah dikenal pasti berdasarkan objektif yang hendak dicapai. Persoalan kajian adalah seperti berikut:

Fasa 1: Analisis Keperluan

1. Apakah keperluan pentaksiran guru di TADIKA?

Fasa 2: Reka Bentuk dan Pembangunan

2. Apakah bentuk garis panduan pelaksanaan pentaksiran untuk guru-guru tadika swasta?



Fasa 3: Penilaian


3. Sejauh manakah tahap kesepakatan pakar terhadap garis panduan pelaksanaan pentaksiran untuk guru-guru tadika swasta?

## 1.6 Kerangka Teori

Kajian ini dirangka menggunakan dua jenis model dan satu teori iaitu Model Pengajaran UPSI (2009) dan Model Penilaian KIPP Stufflebeam (1971) serta teori Perkembangan Vygotsky (1978). Ketiga-tiga model dan teori ini memiliki salah satu persamaan iaitu menjelaskan mengenai pelaksanaan pentaksiran di TADIKA. Secara



ringkasnya, kesemua model dan teori digunakan dan dijelaskan melalui gambar rajah 1.1 di bawah.




Rajah 1.1. Kerangka Teori

## 1.7 Kerangka Konseptual Kajian

Menurut Yuhanis (2015) kerangka konseptual merupakan kunci kepada hubung kait setiap boleh ubah. Kajian daripada Smyth (2004) juga menjelaskan kerangka konseptual dibangunkan untuk menyokong kajian seseorang untuk membolehkan seseorang menjawab soalan penyelidikan mengenai sesuatu kajian yang sedang dilakukan. Kerangka ini menerangkan mengenai perkaitan hubungan antara Model Pengajaran UPSI (2009), Model Penilaian KIPP Stufflebeam (1971) dan Teori Perkembangan Vygotsky (1978).

## 1.7 KERANGKA KONSEPTUAL



Rajah 1.2. Kerangka Konseptual



## 1.8 Definisi Istilah

Definisi istilah merujuk kepada takrifan sesuatu konsep atau makna berkenaan. Istilah penting yang terlibat dalam kajian ini terutamanya konsep dan pembolehubah haruslah dinyatakan dengan jelas. Takrifan sesuatu konsep perlu menggunakan kata kunci untuk menjelaskan dengan lebih jelas agar mudah difahami oleh pembaca.

### i. Panduan

Panduan merupakan sesuatu yg dijadikan pegangan atau ikutan (Dewan Bahasa dan Pustaka, Kamus Edisi ke 2, 2017). Dalam kajian ini, item pentaksiran akan dikumpul melalui meta-analisis dan dijadikan sebuah garis



### ii. Pentaksiran

Pentaksiran merupakan satu proses asas perlu menggalakkan pembelajaran dan seterusnya pencapaian sebahagian aktiviti bilik darjah (Cheryl, 2005).

Dalam kajian ini, akan mengkaji mengenai garis panduan pelaksanaan pentaksiran untuk guru-guru tadika swasta.

### iii. Guru

Individu yang menyampaikan sesuatu ilmu dan maklumat secara jelas. Guru prasekolah adalah individu yang mempunyai latihan ikhtisas yang berkualiti dan pendidikan prasekolah menekankan pendekatan belajar melalui bermain atau juga dikenali dengan ‘didik hibur’ (*fun-play*) (Ramlah, Nor





Afni & Siti Fathimah, 2016). Dalam kajian ini, guru TADIKA swasta dijadikan sampel kajian untuk mengkaji mengenai pembangunan garis panduan pelaksanaan pentaksiran guru di tadika.

#### iv. Tadika

Tadika merupakan singkatan daripada taman didikan kanak-kanak. Takrif tadika tidak dinyatakan dengan jelas dalam Akta Pendidikan 1996. Walau bagaimanapun pengurusan TADIKA boleh difahamkan sebagai mana-mana premis yang menerima masuk lebih dari 4 orang kanak-kanak berumur 4 hingga 6 tahun untuk tujuan menerima pendidikan dengan upah (Hazard Khan, Nik Nur Izzati, Hamzaniza, Norishah & Masnita, 2010). Dalam kajian ini, guru TADIKA swasta dijadikan sampel utama dalam mengkaji mengenai pembangunan garis panduan pelaksanaan pentaksiran guru di TADIKA.



### 1.9 Batasan Kajian

Kajian ini mempunyai batasan yang telah ditetapkan oleh penyelidik. Namun begitu, pelbagai batasan yang diharungi oleh penyelidik sedikit pun tidak membataskan atau memberi kesan sepanjang kajian dijalankan. Garis panduan pelaksanaan pentaksiran untuk guru-guru tadika swasta yang dibangunkan ini merupakan manual panduan pentaksiran yang tidak hanya memfokuskan kepada mata pelajaran yang tertentu sahaja tetapi secara menyeluruh Selain itu, kajian ini hanyalah memfokuskan kepada guru sahaja dan bukanlah pembinaan panduan umum kepada guru dan murid.





Seterusnya, sampel kajian ini melibatkan guru TADIKA yang berpengalaman mengajar antara 5 hingga 10 tahun dan hanya membataskan kepada TADIKA swasta.

## 1.10 Kepentingan Kajian

Kajian ini memfokuskan kepada garis panduan pelaksanaan pentaksiran untuk guru-guru tadika swasta. Pentaksiran digunakan untuk mentaksir perkembangan pembelajaran murid di TADIKA. Kajian ini dilakukan untuk membangunkan garis panduan dalam pentaksiran untuk diguna pakai oleh guru di TADIKA khususnya di TADIKA swasta. Pentaksiran atau penilaian diperlukan di TADIKA kerana melalui pentaksiran tersebut, guru dapat mengetahui pencapaian murid secara menyeluruh dan

sepanjang masa.



Kepentingan kedua ialah kajian ini menggunakan kaedah pembangunan penyelidikan dalam membangunkan panduan mengenai pentaksiran. Kaedah ini melibatkan penggunaan sumber dan teknik pengumpulan data yang berbeza dalam membangunkan garis panduan pelaksanaan pentaksiran untuk guru-guru tadika swasta. Kaedah ini juga bukan sahaja dijalankan dalam pendidikan awal kanak-kanak, malah bidang pengajian yang lain juga boleh mendapat manfaat daripada kaedah pembangunan penyelidikan ini. Terdapat empat kaedah yang digunakan dalam kajian pembangunan ini.

Antara kaedah yang digunakan ialah *Nominal Group Technique* atau NGT dan kaedah *Fuzzy Delphi*. Penggunaan *Nominal Group Technique* atau NGT adalah salah





satu kaedah yang diperlukan oleh penyelidik dalam kajian yang berbentuk pembangunan. Pemilihan pakar yang sesuai dan berpengalaman amatlah penting dalam melaksanakan teknik NGT. Hal ini kerana pandangan dan idea daripada mereka mengenai pentaksiran sangat diperlukan untuk menyokong kajian yang dijalankan. Selepas itu, kaedah *Fuzzy Delphi* juga mempunyai kepentingan tersendiri kerana berdasarkan kaedah yang digunakan dapat mengenal pasti elemen pentaksiran yang boleh digunakan dalam membangunkan garis panduan tersebut.

Seterusnya, diharapkan melalui hasil kajian yang dijalankan ini dapat membantu guru TADIKA terutamanya TADIKA swasta dalam membuat pemerhatian yang lebih berkesan dengan menggunakan pentaksiran. Berdasarkan kajian ini juga membolehkan dan menolong guru bagi mengenal pasti kekuatan dan kelemahan sesuatu proses pelaksanaan perkembangan pembelajaran murid prasekolah terutama sekali melalui aspek pentaksiran kepada murid prasekolah agar membolehkan mereka lebih bersedia apabila melangkah ke sekolah rendah (Juliana Osong, 2016).

Akhir sekali ialah kepentingan tentang kajian yang dilakukan oleh penyelidik mengenai sistem pentaksiran TADIKA di Malaysia. Hal ini kerana guru TADIKA di Malaysia kurang menggunakan pentaksiran sebagai salah satu cara atau prosedur untuk mengenal pasti ciri-ciri pencapaian murid. Oleh itu, dari kajian ini diharap dapat menolong dan menjadikan kajian ini sebagai rujukan atau panduan kepada guru-guru TADIKA di Malaysia mengenai kepentingan kegunaan sistem pentaksiran di peringkat TADIKA swasta pada masa akan datang.





## 1.11 Rumusan

Kesimpulannya, dalam bab ini banyak menerangkan dan memberi gambaran mengenai kajian yang dijalankan. Bab ini juga menjelaskan mengenai pendahuluan, latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, kerangka teori, kerangka konseptual, definisi istilah, batasan kajian, kepentingan kajian dan rumusan. Berdasarkan permasalahan kajian, dapat mengetahui dan mengenal pasti permasalahan yang berlaku mengenai pentaksiran khususnya di Malaysia. Pentaksiran pada peringkat awal haruslah dilaksanakan agar guru dapat mengenal pasti tahap pencapaian murid di bilik darjah dengan lebih tepat dan jelas. Oleh itu, bab seterusnya akan menyentuh dengan lebih mendalam tentang kajian-kajian terdahulu serta teori mengenai pentaksiran di Malaysia dan di luar Negara.

